

Integrasi Strategi NAH Dan PEEL Dalam Membina Kemahiran Interaksi Lisan

Fathin Atikah Masud

fathin_atikah_masud@schools.gov.sg

Siti Hamesiah Samsudin

siti-hamesiah_samsudin@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Queenstown

Abstrak

Terdapat pelbagai strategi yang digunakan oleh para guru dalam membina kemahiran bertutur agar murid dapat berkomunikasi dengan yakin. Kajian Pengajaran ini diharapkan dapat membantu murid membina keyakinan diri dan membolehkan mereka memberikan tindak balas yang wajar dalam pertuturan. Pengintegrasian strategi NAH dan PEEL diharapkan dapat membantu mempertingkatkan keupayaan murid menjana idea dan menghuraikan isi dengan luas. Dapatkan kajian menunjukkan murid lebih berupaya dan terarah dalam mengemukakan pendapat serta respons. Pada masa yang sama, guru-guru juga berpeluang memantau dan mengenal pasti strategi pengajaran yang lebih efektif. Murid pula dapat belajar dengan lebih berkesan dengan cara yang menyeronokkan.

Kata Kunci : kemahiran bertutur, menjana idea, mengemukakan pendapat, strategi pengajaran

PENGENALAN

Guru-guru bahasa Ibunda memainkan peranan penting dan menjadi contoh kepada murid dalam menanam minat serta meningkatkan keupayaan untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Memang menjadi misi Jabatan Bahasa Ibunda Sekolah Rendah Queenstown bagi memupuk minat murid untuk menjadi pengguna bahasa ibunda yang cekap. Hal ini sejajar dengan objektif kurikulum Bahasa Melayu 2015, pada akhir pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah, murid dapat bertutur dengan petah menggunakan sebutan baku dan intonasi yang betul berdasarkan konteks yang berkaitan dengan diri dan sekitarnya. Semakan Bahasa Ibunda 2011 pula menerapkan penggunaan klip video sebagai rangsangan bagi peperiksaan lisan yang bertujuan untuk menyediakan konteks yang lebih realistik dan menarik bagi perbualan, sekali gus menjadikan pembelajaran dan peperiksaan Bahasa Melayu lebih autentik dan relevan.

Sejajar dengan objektif kurikulum Bahasa Melayu ini, guru-guru di Sekolah Rendah Queenstown memaksimumkan masa Pembelajaran Secara Kolaboratif untuk menjalankan Kajian Pengajaran yang berfokuskan pada strategi interaksi lisan. Kajian ini diharapkan dapat membina keyakinan diri dan membolehkan murid memberikan tindak balas yang wajar dalam pertuturan. Pada masa yang sama, guru-guru dapat mengukuhkan amalan pedagogi yang bermanfaat dalam pengajaran dan pembelajaran.

PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan pengamatan para guru yang mengajar Bahasa Melayu semasa di dalam bilik darjah dan semasa menjalankan ujian lisan, murid didapati mengalami kesukaran untuk menyatakan idea dan berkongsi pendapat dengan yakin. Ada yang tidak begitu memahami soalan yang dibacakan dan sering meminta soalan diulang oleh pemeriksa. Ramai juga yang memberikan jawapan yang tidak relevan dan yang kurang memuaskan.

Dalam pertuturan pula, murid sering mengambil masa yang agak lama untuk memberikan respons kepada soalan. Idea yang diberikan juga sering tidak koheren. Ini menjadikan prestasi dalam ujian lisan sedangkan murid mampu melakukan yang lebih baik. Justeru, guru mengorak langkah untuk merapatkan jurang pembelajaran dalam menguasai kemahiran bertutur dengan meneliti strategi pengajaran dalam bilik darjah di samping mengkaji keberkesanan strategi yang digunakan.

Rancangan pelajaran direka dan penelitian ini dijalankan dalam bentuk Kajian Pengajaran bagi membantu meningkatkan kemahiran bertutur murid.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. melihat keberkesanan strategi NAH dan PEEL dalam membina keupayaan mendengar secara aktif;
2. meningkatkan kemahiran berkomunikasi dengan berkesan; dan
3. meningkatkan sumbangan secara aktif dalam pembelajaran sesama rakan sebaya.

Dengan berlandaskan tujuan kajian ini sebagai teras, para guru berharap agar keyakinan murid dalam kemahiran bertutur dapat dipertingkatkan bagi memenuhi hasil pembelajaran khusus (Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2015, hal. 32-34).

Kemahiran bertutur merupakan kemahiran bahasa yang masih belum dapat dikuasai dengan baik oleh murid. Ini disebabkan oleh kurangnya penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu. Murid tidak fasih berbahasa Melayu dan hal ini menjadikan keupayaan mereka untuk melibatkan diri secara aktif dalam perbualan dua hala, lebih-lebih lagi dalam ujian lisan. Kajian ini bertujuan untuk merangsang dan menggalak murid berfikir secara kritis dan kreatif agar dapat berinteraksi dan menyatakan pandangan serta perasaan dengan cara yang lebih berkesan.

Pada masa yang sama, guru juga memanfaatkan masa kajian pengajaran ini untuk mengukur keberkesanan integrasi strategi PEEL dalam NAH yang digunakan dalam pengajaran lisan di sekolah. Keberkesanan integrasi strategi ini bergantung kepada penerimaan murid dalam membantu mereka mencapai kemahiran bertutur bukan hanya semasa ujian tetapi juga semasa berinteraksi sesama rakan sebaya dan orang di sekeliling mereka dengan lebih yakin dan berkesan.

KAJIAN LEPAS

M Mojibur Rahman (2010), dalam kertas kajiannya yang bertajuk *Teaching Oral Communication Skills: A Task-based Approach*, menekankan bahawa kemahiran bertutur merupakan satu proses pengalihan fakta, pendapat, perasaan dan juga nilai. Ini berlaku antara dua atau lebih orang yang melibatkan

pendengaran aktif dengan kontak mata dan tata tertib semasa bertutur. Bagi tujuan mengajar kemahiran bertutur, beliau berpegang pada pendekatan latih tubi yang amat sesuai bagi mengasah penguasaan berbahasa dan mencapai pertuturan yang berkesan.

Kemahiran bertutur tidak berbentuk pasif dan tidak berlaku dengan sendirinya. Kemahiran bertutur dapat ditingkatkan dengan melibatkan diri secara aktif dalam pertuturan. Penguasaan kemahiran bertutur merupakan suatu proses yang memakan masa. Mojibur Rahman juga menekankan kepentingan membuat penilian berdasarkan pengetahuan sedia ada murid dan pengalaman mereka dalam pengajaran kemahiran bertutur.

Antara aktiviti-aktiviti yang disarankan termasuk perbincangan, perbahasan, pembentangan, main peranan dan sebagainya yang memerlukan pelibatan murid secara aktif. Dr Rebecca Bell Bransletter dalam M. Mojibur Rahman (2010) juga menyarankan berbagai-bagai strategi yang hampir serupa bagi tujuan membina kemahiran bertutur. Antaranya adalah strategi Unjuk dan Ujar, aktiviti mendengar dan juga yang menerapkan penggunaan teknologi maklumat seperti perbualan melalui *Skype*.

Mohd Hilmi Hamzah dan Lu Yee Ting (2011) dalam *Teaching Skills Through Group Work Activities: A case Study in SMK Damai Jaya*, menyarankan agar aktiviti bertutur dijalankan secara berkumpulan bagi membolehkan interaksi berkesan sesama murid. Dengan cara ini, hubungan sesama murid dapat dikukuhkan sementara memanfaatkan kekuatan yang terdapat dalam kalangan murid.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian pengajaran dan dijalankan secara berstruktur. Kajian ini merangkumi lima komponen kritikal dan prosesnya seperti berikut:

1. Tujuan penyelidikan
2. Kajian literatur
3. Cadangan penyelidikan
4. Orang yang berpengetahuan
5. Perkongsian dapatan

Sesi pengajaran dijalankan oleh seorang guru, sementara guru-guru yang lain melakukan penilaian dan catatan terhadap respons murid semasa pengajaran lisan melalui borang *scripting tool*. Penggunaan borang

ini bertujuan untuk memantau prestasi murid bertutur sepanjang pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah. Segala dapatan yang diperoleh digunakan sebagai bahan perbincangan bagi sesi pascapengajaran sejurus selepas proses PdP berakhir. Segala jurang yang terdapat dalam PdP dikenal pasti dan diambil kira bagi tujuan memperbaik pengajaran seterusnya.

Secara keseluruhannya, Kajian Pengajaran ini telah dijalankan sebanyak dua pusingan sehingga mencapai objektif pengajaran yang diinginkan. Markah ujian lisan SA1 dan SA2 diambil kira sebagai data perbandingan prestasi murid sebelum dan sesudah menjalani kajian ini.

Selain data kuantitatif, guru juga membuat penelitian dan mendapatkan maklum balas murid bagi memastikan aspek afektif dan tingkah laku murid dalam kajian ini diambil kira.

Dapatan kajian ini juga turut mendukung kesemua kriteria-kriteria yang menjadi sandaran dalam Amalan Pengajaran Singapura (STP). Bagi menjayakan pelaksanaan strategi-strategi dalam pengajaran komunikasi yang dijelaskan sebelum ini, guru mengambil kira empat aspek utama dalam perancangan iaitu budaya positif di bilik darjah, penyediaan pelajaran, pelaksanaan pelajaran dan penilaian dan maklum balas. Dengan ini, kajian ini menjadi lebih bermakna dan memenuhi objektif PdP.

Jadual 1: Penerapan Aspek Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP 17: Memberikan penerangan yang jelas AP: 15 Menggalakkan pelibatan pelajar	AM2: Melakukan Tunjuk Cara <ul style="list-style-type: none"> a. menerangkan bentuk soalan lisan yang pertama b. memerlukan murid untuk mengingat semula apa yang dipaparkan dalam video - kaitkan dengan templet NAH (Nampak) c. mengajar teknik PEEL untuk menjawab soalan AM3: Pelibatan menerusi kerjasama dan interaksi Soalan: Ceritakan satu aktiviti keluarga yang kamu suka dalam video yang kamu tonton.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau pemahaman dan memberi maklum balas	AM1: Maklum balas dalam bentuk komen sahaja
Penerangan dan justifikasi	Beberapa imejan dan klip video digunakan di dalam kajian untuk merangsang minat murid bahkan menggalakkan mereka untuk melakukan interpretasi, membina persepsi dan membuat ramalan. Untuk penilaian, pengkaji menggunakan AM1 semasa dan sesudah aktiviti-aktiviti dijalankan.	

Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan 26 murid Darjah 5 yang terdiri daripada 17 murid lelaki dan 11 murid perempuan. Seorang daripada murid ini berbangsa asing. Mereka berusia dalam lingkungan antara 10 hingga 13 tahun. Subjek merupakan murid daripada aliran standard yang mempunyai profil yang bervariasi. Mereka menunjukkan kecenderungan dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Jadual 2 berikut memaparkan profil subjek berkenaan penggunaan Bahasa Melayu.



Jadual 2: Profil Penggunaan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid

Para pelajar...	Sering	Kadang-kadang	Jarang
berminat dalam Bahasa Melayu	61.5%	19.2%	19.2%
bertutur dalam bahasa Melayu di rumah	11.5%	69.2%	19.2%
bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan sebaya	30.7%	38.5%	30.7%
boleh membaca dan menulis dalam bahasa Melayu	65.3%	26.9%	7.7%

Berpandukan tinjauan yang dilakukan berkaitan subjek kajian, walaupun masih ramai yang menunjukkan minat dan kecenderungan terhadap bahasa Melayu, namun peratusan mereka yang sering menggunakan bahasa Melayu di rumah amat rendah iaitu 11.5% sementara 69.2% murid yang hanya kadang-kadang sahaja bertutur dalam bahasa Melayu di rumah.

Rumusannya, murid tidak sering menggunakan bahasa Melayu. Ini merupakan punca utama kebanyakan mereka tidak dapat bertutur dengan lancar dan kurang yakin untuk bertutur dalam bahasa Melayu.

Instrumen Kajian

Instrumen Kajian yang digunakan adalah seperti berikut:

1. Borang tinjauan tentang minat dan penggunaan bahasa Melayu oleh subjek kajian
2. Templat NAH dan PEEL dalam mengajar kemahiran bertutur dalam bilik darjah
3. Borang menulis laporan bagi guru-guru pemerhati bagi memantau keberkesanan strategi pengajaran dan pembelajaran
4. Kad PEEL dan kad pemulaan ayat sebagai panduan
5. Klip video
6. Alat penilaian *Parking Lot* dan *Thumbs up, thumbs down*
7. Data pencapaian murid dalam ujian SA1 dan SA2

Prosedur Kajian

Guru menerangkan matlamat pembelajaran kepada murid agar mereka dapat membuat penilaian kendiri dalam mengukur tahap pemahaman mereka. Pengajaran kemahiran bertutur ini dijalankan secara eksplisit. Guru mengaplikasikan teknik *Gradual Release of Responsibility* oleh Fisher and Frey

(2016). Melalui teknik ini, guru bertindak selaku pemudah cara dan menyediakan peranahan bagi murid membina kemahiran bertutur secara bertahap. Guru mengadaptasikan rutin berfikir yang dinamakan NAH (N-Nampak, A-Aplikasi, H-Harapan).

Rajah 1 : Templat Nampak-Aplikasi-Harapan (NAH)

STRATEGI NAH	
Tajuk Video	
Sinopsis	
Nampak (See) 	Soalan:
Apakah (Think) 	Soalan:
Harapan (Wonder) 	Soalan:

Templat ini mendedahkan kepada murid bentuk format soalan lisan berdasarkan rangsangan video yang diperkenalkan dalam kurikulum pengajaran lisan pada tahun 2016. Berdasarkan format ujian lisan yang menggunakan klip video, bentuk soalan disusun mengikut aras kepayahan. Soalan pertama memerlukan murid mengenal pasti dan mengingati semula perkara yang ditonton dalam klip video. Soalan ini merupakan soalan tahap mudah yang rata-rata dapat dijawab oleh murid. Soalan yang kedua merupakan soalan yang memerlukan murid mengaplikasikan pengalaman peribadi atau meletakkan diri dalam situasi tertentu berdasarkan klip video. Soalan ketiga merupakan soalan aras tinggi yang memerlukan murid memberikan cadangan atau idea berdasarkan pengetahuan sedia ada dan pengalaman peribadi. Seringkali murid sukar untuk meluaskan respons dan menambah idea agar respons mereka lebih koheren dan padat.

Melalui strategi PEEL yang bermaksud *Point-Evidence-Explanation-Link* atau Isi-Bukti-Penjelasan-Kaitan yang diintegrasikan dalam NAH, murid dapat dibantu untuk menyusun idea dan memberikan respons yang lebih luas terhadap soalan-soalan lisan dengan lebih berstruktur dan koheren.

Rajah 2: Kad dan soalan-soalan bagi Strategi PEEL

STRATEGI P.E.E.L	
 <p>P POINT (Isi) menyatakan idea utama</p> <p>E EVIDENCE (Bukti) menyokong idea dengan bukti dan contoh yang sesuai</p> <p>E EXPLANATION (Penjelasan) memberikan penjelasan bukti (perasaan) untuk menyokong idea</p> <p>L LINK (Kaitan) hubungan idea sebelum dengan idea seerusnya (pendapat atau pengajaran)</p>	<p>Panduan memulakan perbualan</p> <ol style="list-style-type: none">1. Saya berasa bangga/ gembira/ teruja kerana...2. Pada pendapat saya ...3. Aktiviti itu menarik kerana...4. Jika saya ada dalam situasi itu , saya ...5. Perbuatan itu patut dicontoh kerana...6. Sekiranya saya diberi peluang untuk...7. Sebagai seorang yang (sebutkan nilai) kita harus ...8. Saya ingin mencadangkan agar...

Dengan memanfaatkan strategi PEEL, murid dapat membuat perancangan sebelum berkongsi respons mereka dengan guru. Kad permulaan ayat turut disediakan bagi membantu murid yang memerlukan bantuan dalam menggunakan respons yang berhemah semasa memberikan pendapat, berkongsi idea dan sebagainya.

Soalan-soalan mengikut aras kepayahan yang diajukan oleh guru dalam kajian berdasarkan sebuah klip video yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

1. Ceritakan satu aktiviti keluarga yang kamu suka terdapat dalam video yang kamu tonton. (Nampak)
2. Apakah aktiviti berkeluarga yang paling kamu suka? (Aplikasi)
3. Kelab masyarakat dekat dengan rumah kamu mengadakan aktiviti

pesta untuk keluarga. Bagaimanakah kamu boleh menggalakkan keluarga kamu untuk mengambil bahagian? (Harapan)

Guru mendapatkan respons murid sebelum melanjutkan pelajaran dengan mendapatkan tindak balas murid jika mereka dapat mengikuti dan memahami pelajaran yang disampaikan dengan mengaplikasikan strategi penilaian '*thumbs up, thumbs down*'. Dengan cara ini murid membuat penilaian kendiri. Pada tahap ini, guru perlu prihatin dan menggunakan fleksibiliti sama ada perlu diulang semua atau diubah suai mengikut respons murid . Pada akhir pengajaran, guru akan mendapatkan murid untuk memberikan maklum balas secara bertulis dalam teknik '*parking lot*'. Nama tidak perlu dinyatakan dalam memberikan maklum balas dan ini akan membuat murid berasa selesa dan bebas untuk menyatakan pemahaman mereka dalam pembelajaran. Guru pula akan menggunakan setiap maklum balas itu sebagai klu bagi melakarkan pembelajaran selanjutnya.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan matlamat pengajaran yang ingin dicapai, pengkaji mengambil kira beberapa persoalan yang dapat membantu semasa melakukan pemantauan dan menggarap butiran-butiran penting. Hal ini penting bagi pengkaji mengukur keberkesanan kajian yang dijalankan.

Soalan-soalan ini juga menjadi topik perbincangan semasa sesi pascapengajaran lisan yang telah dijalankan.

1. Adakah objektif PdP jelas dan diumumkan kepada murid?
2. Adakah aktiviti yang dirancang dan dijalankan membantu dalam mencapai objektif PdP?
3. Adakah strategi yang dipilih dan digunakan menyokong pengajaran kemahiran bertutur?
4. Adakah alat bantu mengajar yang digunakan berkesan?
5. Adakah kandungan pengajaran bersesuaian dengan tahap dan peringkat subjek kajian?

Semasa para guru hadir di kelas untuk melakukan pemantauan, pengkaji memastikan mereka mengenal pasti beberapa protokol yang telah ditetapkan:

1. Adakah para murid mengaplikasikan pengetahuan sedia ada mereka untuk membantu mereka semasa belajar?
2. Para guru perlu memantau pelibatan sepenuhnya bagi setiap


- murid, mengenal pasti perkara-perkara (*observable cues*) yang membantu dan merangsang minat serta tumpuan mereka.
3. Adakah teknik penyoalan yang digunakan oleh pengkaji menjana daya kemahiran berfikir murid dan merangsang pertuturan?
 4. Bagaimanakah PdP dapat diperkuuhkan bagi menambah nilai pembelajaran murid?

Penelitian yang dilakukan menunjukkan beberapa kesan positif terhadap subjek kajian. Murid lebih bersikap responsif dan menunjukkan kesungguhan semasa belajar. Ada juga antara mereka yang mengambil sikap proaktif dan berkongsi idea serta pendapat secara spontan. Bagi golongan murid sedemikian, para guru akan terus menambah nilai kemahiran bertutur mereka agar mencapai tahap yang lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan masih terdapat murid yang memerlukan masa yang lebih lama untuk mencapai matlamat pembelajaran mereka.

Berikut adalah infografik yang menunjukkan pencapaian murid dalam pelaksanaan kajian pengajaran yang dijalankan. Dalam Rajah 3, jumlah murid yang berjaya mendapat markah cemerlang dalam peperiksaan lisan boleh ditingkatkan walaupun jumlahnya kecil. Begitu juga keadaan yang serupa bagi murid yang mendapat markah sederhana. Justeru, jumlah murid yang masih lemah semakin berkurangan dan diharapkan mereka dapat terus dibantu untuk mempertingkatkan lagi kemahiran mereka pada masa hadapan.

Rajah 3: Pencapaian Murid dalam SA1 dan SA2



KESIMPULAN

Projek Kajian Pengajaran yang dijalankan dalam masa lebih kurang lima bulan, bermula pada bulan Februari sehingga penghujung bulan Julai menunjukkan tren yang progresif dalam pencapaian para pelajar. Integrasi strategi PEEL dalam NAH bermanfaat dan memenuhi tujuan pengajaran bertutur dalam bilik darjah. Murid didapati lebih berupaya mengemukakan pendapat serta respons dengan lebih baik dan terarah.

Namun, para guru pengkaji akur strategi yang baik serta pengajaran yang terancang belum tentu mencapai objektif yang diinginkan. Pengukuhan aspek budaya positif di bilik darjah yang turut menyumbang kepada kejayaan PdP yang lebih berkesan dan bermakna perlu sentiasa ditekankan.

Guru yang turut terlibat dalam kajian ini:

1. Norwati Neswan
2. Mariana Hussain
3. Mariam Sahari
4. Wan Hameezah Mohd said

RUJUKAN

Fisher, D. & Frey, N (2016) . *The purposeful classroom. How to structure lesson with learning goals in mind*. Virginia: ASCD Beauregard.

Mohd Hilmi & Lu Yee Ting (2011). Skills through group work activities: A case study in SMK Damai Jaya.

M. Mojibur Rahman (2010).*Teaching oral communication kills: A task based approach*. ESP World, Issue 1 (27), Volume 9, <http://www.esp-world.info>

Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah (2015). Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Singapura.